

# **Islam Sebagai Agama Anti-muzium: Suatu Analisa**

**Siti Maimunah Kahal<sup>1</sup>, Hajar Opir<sup>1</sup>, Rahimin Affandi Abdul Rahim<sup>2</sup>, Amiratul Munirah Yahaya<sup>1</sup>, Wan Yusnee Abdullah<sup>3</sup>, Mohd Hapiz Mahaiyadin<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>*Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Malaysia*

<sup>2</sup>*Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

<sup>3</sup>*Pusat Pengajian Asasi dan Umum, Universiti Selangor (Kampus Shah  
Alam), Jalan Zirkon A7/A Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor*

\*Pengarang Penghubung

mykahal89@yahoo.com,hajar\_opir@uitm.edu.my, faqir\_ilia\_rabbih@um.edu.my,  
amiratul@uitm.edu.my, wanyusnee@unisel.edu.my, mohdhapiz659@uitm.edu.my

Received: 30 April 2022

Accepted: 12 October 2022

Online First: 23 December 2022

## **ABSTRAK**

*Di zaman moden ini, disiplin muzium dipandang paling dinamik yang terbukti dengan penubuhan Persatuan Muzium Antarabangsa (ICOM). Ia telah dianggotai oleh majoriti negara di seluruh dunia. Selain menjadi tempat pameran dan menyimpan khazanah sesebuah bangsa, muzium juga dijadikan sebagai sebuah institusi pendidikan yang penting. Namun begitu, dalam Islam terdapat golongan yang mengambil sikap anti pada institusi muzium. Ironinya, sikap anti-muzium ini diamalkan oleh golongan Salafi Jihad yang mendakwa mereka adalah pengikut Islam ortodok (dikaitkan dengan penguasaan Kota Mekah). Oleh kerana itu, sesetengah pengikut Islam menganggap ia mewakili ajaran Islam yang sejati. Anti-muzium di sini bermaksud menentang keras pada muzium sebagai institusi dan fungsionalnya yang membabitkan tiga (3) perkara iaitu menjaga, mengkaji dan memperkenalkan warisan sejarah ketara dan tidak ketara. Justeru, objektif kajian adalah untuk mengaplikasikan pendekatan wasatiyyah dengan menganalisis hujah golongan anti-muzium yang berteraskan kepada falsafah iconoclasm dan salafi jihad. Ia juga bertujuan untuk*

menolak hujah pendekatan anti-muzium yang akan menggunakan kaedah kualitatif dan memfokuskan kepada reka bentuk kajian kes. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan bagi mengumpulkan data primeri dan sekunder berkaitan muzium. Analisa kajian pula menggunakan metode analisa kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa Islam tidak menolak institusi muzium secara total dan bukanlah agama yang anti kepada muzium.

**Kata kunci:** Anti-muzium, iconoclasm, ICOM, Islamophobia, Salafi Jihad

## **Islam As an Anti-Museum Religion: An Analysis**

### **ABSTRACT**

*The establishment of the International Association of Museums (ICOM) shows a global commitment to promoting and preserving cultural heritage, especially in the modern age. ICOM provides a unique professional network of museums and museum professionals from countries around the world as members. The museum serves as an exhibition place of national treasures and an educational institution. However, there are responses from the Salafi Jihadists, an orthodox Islamic group, who oppose the establishment of museum institutions. Some Muslims believe this narrative represents the true teachings of Islam. Anti-museum means strongly opposing the museum as an institution with its three (3) functions; preserving, studying and exhibiting tangible and intangible historical heritage. Thus, the objective of this study is to apply the wasatiyyah approach by analysing the arguments of the anti-museum based on the philosophy of iconoclasm and Salafi jihad ideologies. It also aims to reject the arguments of an anti-museum approach using the qualitative method and case study design. This study employs a qualitative approach through library research to collect primary and secondary data related to the museum institutions. The analysis of this study uses the content analysis method. This study found that Islam does not reject museums as an institution and does not practice anti-museum sentiments.*

**Keywords:** Anti-museum, iconoclasm, ICOM, Islamophobia, Salafi Jihad

## **PENGENALAN**

Institusi Muzium dianggap sebagai sebuah institusi terpenting dalam dunia moden. Semua negara di dunia didapati memiliki muzium tersendiri yang

memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat, menyelidik dan memperkenalkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Ia sangat berguna untuk tujuan mengilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa (Ab Samad Kechot, 2012). Kewujudan muzium merupakan salah satu usaha ke arah mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa. Koleksi-koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara kita. Muzium juga memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan. Pelbagai kajian dan penulisan didokumentasikan bagi tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan mengetahui jati diri bangsa.

Namun begitu, terdapat suatu provokasi yang diutarakan oleh pihak UNESCO dan ICOM yang menegaskan bahawa Islam sebagai agama yang anti kepada muzium. Hal ini didasarkan antara lainnya dengan pendekatan sesetengah penganut Islam yang memusuhi institusi muzium itu sendiri. Atas dasar itu, kajian ini bakal mengulas dan menjawab hujah pendekatan Anti-muzium yang dipegang oleh golongan ini.

## METODOLOGI

Secara umumnya, kajian ini melibatkan data yang berbentuk kualitatif. Kajian ini bersifat deskriptif iaitu kajian yang dijalankan bagi menggambarkan sesuatu objek atau keadaan kemudian mengambil kesimpulan yang berlaku secara umum. Kajian ini juga bukan bertujuan menguji atau mencari teori baharu tetapi mengaplikasikan reverse psikologi dengan melakukan provokasi negatif yang mengaitkan Islam dengan pendekatan Anti-muzium. Bagi tujuan merungkai permasalahan yang timbul daripada provaksi negatif ini, kajian ini akan mengulas dan menjawab hujah-hujah negatif ini. Justeru, secara tidak langsung kajian ini boleh dikategorikan sebagai kajian kepustakaan yang menggunakan pendekatan analisis pensejarahan kritikal.

## **ISLAMOPHOBIA DAN NISBAH ISLAM SEBAGAI AGAMA ANTI MUZIUM**

Dewasa ini, Islam sering menjadi bahan salahfaham (*Islamophobia*) yang dilakukan oleh musuh dan umat Islam sendiri. Islamophobia adalah merujuk kepada rasa fobia (kebimbangan) dan kebencian terhadap Islam sama ada pada penganut, ajaran, budaya dan apa sahaja yang berkaitan dengan Islam. Menurut PBB, Islamophobia bermakna permusuhan dan ketakutan tidak berasas terhadap Islam dan akibat ketakutan atau kebencian pada orang Islam atau majoriti daripada mereka (Doudou Denien, 2006). Laporan Commission on British Muslims and Islamophobia menyatakan bahawa ia merujuk kepada *dread or*

*hatred of Islam and, therefore, to fear or dislike all or most Muslims ataupun irrational fear of Islam or anti-Muslim racism and continuation of anti-Asian and anti-Arab racism* (Instead, 2004).

Secara realitinya, selain dicetuskan oleh musuh Islam, fenomena Islamophobia ini turut dilakukan oleh umat Islam sendiri. Antara contoh keburukan yang dilakukan oleh umat Islam dapat dilihat dalam dua perkara yang pertama, tindakan Daesh menjalankan dasar memusuhi golongan bukan Islam. Ia turut diikuti dengan usaha Daesh memaksa golongan bukan Islam memeluk Islam, sehingga pihak yang enggan berbuat demikian akan dibunuh tanpa belas kasihan. Bagi Daesh, seolah-olah hanya penganut Islam sahaja yang berhak hidup dan menafikan hak tersebut kepada penganut selain Islam (Muhsin Imran Abd Razak, 2019).

Kedua, Islam dilihat sebagai agama yang anti-muzium dan memusuhi elemen sejarah yang tidak bersesuaian dengan agenda Islam. Hal ini diberikan sesuai dengan penegasan pihak UNESCO dan ICOM yang mengulas tindakan Daesh dan Taliban yang memusnahkan warisan sejarah di Afghanistan dan kawasan tamadun pra Islam di Syria dan Iraq (Morgan Cloud, 2016). Anti di sini membawa maksud Islam seolah-olah menentang keras institusi dan fungsi muzium yang membabitkan tiga (3) perkara iaitu menjaga, mengkaji dan mempamerkan warisan sejarah nyata dan warisan tidak nyata.

Media Barat secara besar-besaran telah mendedahkan bahawa Islam adalah agama yang memusuhi semua perkara yang datang daripada tamadun Barat, termasuklah anti-muzium. Ironinya, pihak ekstremis Islam yang terdiri daripada penganut aliran Wahabi/Salafi jihad sering mendakwa diri mereka sebagai aliran Islam yang paling betul kerana dikaitkan dengan golongan Salafi yang menguasai kota Mekah dan Madinah. Kedua kota tersebut kotonnya mewakili nisbah pemahaman dan pengamalan Islam yang diwarisi daripada Rasulullah s.a.w dan generasi Salaf.

Terdapat sejumlah bukti sejarah yang menunjukkan sifat anti-muzium dan tragedi pemusnahan artifak dan monumen sejarah yang dilakukan oleh gerakan Wahabi-Salafi jihad. Antaranya (Kaitlyn Armendariz, 2017):

- 1) Gerakan Wahabi di Arab Saudi yang memusnahkan monumen di pekuburan al-Baqi' antara tahun 1802 dan 1925. Pada tahun 1802, tentera Wahabi telah memusnahkan telaga zam-zam, perkuburan syuhada' Uhud, masjid dan kubur Saidina Hamzah bin Abdul Mutallib dan Fatimah al-Zahra. Daesh kemudiannya menjadikan dasar utama mereka memusuhi penganut Syiah dan Sufi. Atas sebab itu, masjid juga kubur penganut Syiah dan Sufi dijadikan sasaran pemusnahan di kawasan yang dikuasai oleh Daesh. Bagi

mereka, dua kawasan suci milik penganut syiah iaitu Karbala dan Najaf wajib dimusnahkan, bahkan ia menjadi agenda suci milik Daesh. Selain itu, Daesh turut terbabit memusnahkan pelbagai kuburan Syiah dan Sufi di Syria dan Iraq. Ia membabitkan:

- a) Kubur Sukaina binti Ali Shrine di Dariyya, di selatan Damsyik (Mac 2013)
- b) Kubur Hirj ibn Adi al-Kindi, sahabat Nabi di barat Damsyik (Mei 2013)
- c) Kubur Ammar bin Yassir dan Oweis al-Qarni dua orang sahabat Nabi (Mac 2014)
- d) Kubur Sayyida Zaynab cucu Nabi (Februari 2016)
- e) Masjid dan Kubur Imam Jafar Sadiq di Mahlabiyha (2016)
- f) Kubur Ahmed Ar-Rifa'i, pengasas tarekat Rifa'iyyah (2016)

Semua usaha pemusnahan ini telah dinyatakan dengan panjang lebar dalam majalah Dabiq milik Daesh. Mereka mendakwa apa yang dilakukan itu bertepatan dengan sirah Nabi Ibrahim, Rasulullah s.a.w dan para sahabat seperti diterangkan dalam Dabiq: *the actions of the mujahidin [holy warriors] had not only emulated Ibrahim's...destruction of the idols of his people and Prophet Muhammad's...destruction of the idols present around the Ka'bah when he conquered Makkah but had also served to enrage the kuffar, a deed that in itself is beloved to Allah* (Dabiq, 2015).

Sebagai contoh, dalam Dabiq edisi kedua terdapat gambar jentolak merosakkan masjid dan kubur Imam Jafar Sadiq dan Ahmed Ar-Rifa'i. Antara hujah kenapa Daesh bertindak demikian ada diterangkan dalam edisi ketiga Majalah Dabiq. Diberikan hujah al-Quran dan surat Abu Musab al-Zarqawi kepada Osama bin Laden yang menyatakan bahawa; *The Rāfidah* [a derogatory word for the Shia meaning ‘rejecter of the truth’] are the insurmountable obstacle, the lurking snake, the scorpion of deception and malice, the prowling enemy, the deadly poison...Shiism contains everything from blatant shirk, to grave worship, to circumambulating tombs, to takfir of the Sahābah, to cursing the Mothers of the Believers and the best of this Ummah, to claiming distortion of the Qur'ān...as well as other forms of kufr and manifestations...they should be targeted and struck in their religious, political and military core (Dabiq, 2016).

- 2) Tindakan Daesh merosakkan muzium dan tinggalan sejarah di Iraq dan Syria.
- 3) Daesh membakar 100,000 buku dan arkib lama yang memiliki intipati ajaran yang bertentangan dengan Daesh.

- 4) Memusuhi monumen dan artifak sejarah milik penganut Islam dan bukan Islam, termasuk pusat ibadah golongan bukan Islam. Terpenting sekali, Daesh berusaha menghapuskan dan merosakkan semua tinggalan sejarah bukan Islam dan Islam sendiri yang menjadi lambang keunggulan sejarah sebelum kewujudan Daesh. Mereka memahami bahawa bukti artifak sejarah menjadi identiti sejarah golongan bukan Islam. Tindakan merakam usaha pemusnahan artifak dan monumen sejarah telah dibuat dengan cukup sistematik dan disebarluaskan ke seluruh dunia melalui media sosial. Ia secara jelas menunjukkan Daesh sengaja mencabar dan melukakan hati musuh dengan merosakkan tinggalan sejarah yang menjadi bukti dan identiti sejarah yang dibanggakan. Mereka mahu menghapuskan semua lambang sejarah sebelum Daesh yang bakal diwujudkan sejarah Islam baharu di bawah Daesh yang lebih bernuansa semangat Islam sejati. Hal ini dijelaskan dalam majalah Dabiq; The kuffar [unbeliever] had unearthed these statues and ruins in recent generations and attempted to portray them as part of a cultural heritage and identity that the Muslims of Iraq should embrace and be proud of. Yet this opposes the guidance of Allah and His Messenger and only serves a nationalist agenda (Dabiq, 2015).
- 5) Berusaha meraih keuntungan dengan proses penjarahan dan penjualan artifak sejarah di pasaran antarabangsa (Patrick Blannin, 2017).

## **IDEOLOGI SALAFI JIHAD DAN PENDEKATAN ANTI-MUZIUM**

Secara realitinya, golongan Wahabi-Salafi jihad memang menolak institusi muzium secara mutlak kerana ia berasal daripada budaya Barat. Mengikut pakar, ekstremism Islam adalah fahaman melampau yang dianut oleh umat Islam berdasarkan kepada ideologi salafi jihad. Gerakan salafi pada hakikat terbahagi kepada tiga jenis: Salafi dakwah, politik dan Salafi Jihad. Dua salafi yang awal (dakwah dan politik) mengajak masyarakat berpegang kepada apa yang diamalkan oleh generasi salaf tetapi menolak tindakan ekstremism. Manakala Salafi Jihad pula menggunakan pendekatan revolusi-keganasan untuk mencapai maksud mereka. Atas dasar itu, Salafi Jihad dianggap sebagai fahaman neo khawarij bentuk baru yang timbul selepas kematian Syed Qutb (Quitan Wiktorowicz 2005). Menurut Mohamed Bin Ali (2012), golongan ini memperjuangkan penubuhan negara Islam yang menguatkuaaskan Undang-undang Islam melalui jalan revolusi. Mereka tidak bertolak ansur dengan sebarang elemen menyimpang seperti bid'ah yang berlaku dalam masyarakat dan akan berusaha menghapuskannya melalui jalan kekerasan.

Kaitlyn Armendariz (2017) mengatakan, ia bersesuaian dengan beberapa prinsip Islam pegangan mereka yang agak keliru iaitu;

1) Prinsip Wala wa Baraah dan Takfir

Ia adalah tindakan yang mengharamkan tindakan meniru formula asing sebagai bukti ketaaaan kepada prinsip Islam. Ia termasuk mengkafirkan sesiapa yang tidak bersetuju dengan pandangan mereka. Dalam banyak hal, minda mereka tertutup secara mutlak dan memaksa penganut Islam lain untuk menolak formula asing tanpa kompromi (Mohamed Bin Ali 2012). Dengan konsep Wala wa Baraah, mereka menegaskan ummah Islam wajib berpegang hanya kepada formula Islam seperti ideologi Salafi Jihad dan menolak secara mutlak semua ideologi barat moden merangkumi demokrasi, nasionalisme, sosialisme dan termasuk muzium itu sendiri. Hal ini dijelaskan sendiri oleh Abu Bakr al-Baghdadi dalam ucapan pengistiharan diri sebagai khalifah di masjid Mosul pada bulan jun 2014 ‘The Muslims today have a loud, thundering statement and possess heavy boots. They have a statement to make that will cause the world to hear and understand the meaning of terrorism and boots that will trample the idol of nationalism, destroy the idol of democracy and uncover its deviant nature (Dabiq, 2014).

Di samping konsep Wala wa Baraah ini, Daesh juga akan mengisyiharkan kafir serta halal darah bagi setiap golongan yang tidak menyokong pandangan mereka. Dalam banyak hal, mereka memaklumi kepentingan warisan sejarah ini kepada sejarah sesuatu masyarakat.

2) Pendekatan Literalis Di Dalam Memahami Teks Islam

Semua teks Islam wajib difahami secara literal. Hal ini amat malang sekali kerana Islam turut mengandungi elemen falsafah ataupun memiliki maksud lain di sebalik teks zahir. Mereka tidak mengakui kemampuan akal kreatif untuk mentafsir teks Islam.

3) Pegangan Falsafah Iconoclasm (Natalie N. May, 2012)

Iconoclasm adalah merujuk kepada tindakan memusnahkan semua objek, ikon, imej dan monumen sejarah samada di pusat ibadah, kubur, pusat pendidikan dan tempat awam dan juga mengharamkan sebarang hasil seni yang berupa usaha melukis atau meniru objek hidup dalam bentuk haiwan atau manusia. Lebih penting, ia turut mengharamkan sebarang usaha melukis elemen alam metafizik seperti Allah s.w.t, syurga, neraka, Nabi dan sebagainya. Kesemua perbuatan ini diharamkan dalam Islam kerana ia bakal menjadikan seseorang itu terjerumus ke lembah syirik. Lebih khusus lagi, ia termasuk kepercayaan atau pendewaan terhadap fahaman politik bukan Islam dan menolak kedaulatan hukum Allah s.w.t. Hujah utama falsafah iconoclasm adalah untuk mengelakkan berlakunya pendewaan melampau kepada tokoh-tokoh sejarah yang telah meninggal dunia. Bagi

mereka, tindakan pendewaan ini akan menyebabkan berlakunya usaha menghidupkan berhala baru yang secara pastinya bakal menyebabkan amalan syirik berkembang secara tidak langsung dalam masyarakat (Mohamed Elaskary, 2017).

## PENOLAKAN HUJAH GOLONGAN YANG ANTI-MUZIUM

Ternyata hujah yang dipegang oleh golongan ini amat lemah. Hal ini didasarkan kepada beberapa perkara, iaitu;

### 1) Kekaburuan Pegangan Falsafah Wala wa Baraah

Falsafah Wala wa Baraah mencerminkan bahawa Islam merupakan agama perkauman yang memusuhi agama selain daripada Islam. Ia bertentangan dengan sifat wasatiyyah dan sifat ar-rahman dan ar-rahim yang perlu dipelajari daripada Asma' Allah s.w.t. Tidak salah meniru secara kritis (ciri terpenting budaya ilmu) apa-apa model daripada Barat untuk kepentingan umat Islam. Precedentnya memang ada dalam tradisi sejarah Islam apabila hasil tamadun Yunani diterima, ditapis dan disaring oleh sarjana Islam sehingga melahirkan sintesis sains Islam yang mempunyai semangat dan falsafah Islam.

Institusi muzium merupakan institusi yang paling dinamik untuk konteks zaman moden. Sifat kedinamikan ini terserlah apabila ia mempunyai empat perkara sekaligus. Pertama, binaan dan kerangka epistemologinya yang jelas dan difahami oleh kalangan ilmuannya. Kedua, ia berjaya menarik minat ahli masyarakat kerana formula penyelesaian masalahnya bertepatan dengan logik yang menjadikannya tetap relevan. Ketiga, ia sentiasa direview untuk tujuan penambahbaikan yang berterusan di peringkat institusi pengajian tinggi. Dalam soal ini, hasil usaha review - pembakaan dikumpulkan dalam koleksi khusus bagi rujukan penyelidik apabila diperlukan (Ahmad Farid Abdul Jalal, 2017). Keempat, ia mempunyai badan induk khusus yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia; tidak kira sama ada di negara maju, sedang membangun dan mundur. Sejak ditubuhkan pada tahun 1946, ICOM telah memainkan peranan utama di dalam bidang permuziuman antarabangsa. Ia terlibat memperkenalkan pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya. Ia mengambil kira aspirasi kesemua negara ahli (Ahmad Farid Abd Jalal, 2020).

### 2) Manfaat yang Terhasil Daripada Institusi Muzium

Pada dasarnya, institusi muzium memang bersesuaian dengan prinsip asas Islam.

- a) Islam Agama Menekankan Budaya Ilmu dan Kepentingan Sejarah
- Elemen kepentingan budaya ilmu dan subjek sejarah ini memang terdapat penegasan utama dalam al-Quran. Sarjana Islam menyatakan bahawa sebahagian besar kandungan al-Quran membabitkan pengajaran sejarah membabitkan sejarah umat nabi-nabi terdahulu (al-Quran, 42:13). Ia amat penting untuk diambil iktibar oleh umat Islam bagi merangka program perancangan masa hadapan dengan lebih baik dan terancang (Abdul Rahman Abdullah, 2001). Secara strukturalnya, untuk menghidupkan budaya ilmu dan kepentingan sejarah ini perlu kepada kewujudan institusi pendidikan Islam dan muzium. Keduanya berjalan seiring dan saling memperkuatkan antara satu sama lain.

Apa yang jelas, kita boleh mempelajari budaya ilmu dalam bentuk gerakan permuziuman yang diusahakan oleh masyarakat Barat. Ia antara lainnya adalah kesungguhan manusia Barat meneroka alam untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Ia dibuat dalam bentuk mengumpul dan mendokumentasikan semua warisan, artifak, manuskrip samada dalam bentuk tangible dan intangible milik tamadun masyarakat seluruh dunia, khususnya masyarakat tanah jajahan.

Hasil daripada gerakan permuziuman ini telah melahirkan pelbagai perkembangan ilmu kemanusiaan dan sains yang cukup memberangsangkan. Ia telah menjadi asas kepada perkembangan pelbagai pendekatan kajian ilmu kemanusiaan dan sains yang mendominasi perkembangan tamadun dunia, ia menjana munculnya penjajahan dan revolusi industri.

- b) Islam Agama Penghargaan dan Konservasi terhadap Warisan, Monumen, Dokumen, Artifak Sejarah
- Sejak awal lagi, Islam menekankan agar semua dokumen sejarah penting untuk dijaga dan dicatatkan - perlu dikonservasikan. Hal ini terbukti apabila sistem isnad diperkenalkan untuk menjaga autoriti dan kebenaran sesuatu dokumen dalam Islam (Siti Fahimah, 2014).

Muzium dapat bertindak sebagai institusi semi pendidikan yang mampu menerapkan kesedaran sejarah kepada masyarakat (Mehdi Hodjat, 1995). Ia tidak harus dilihat sebagai institusi gajah putih yang terpisah daripada falsafah sejarah Islam. Sebaliknya, harus dilihat secara mendalam membabitkan elemen falsafah khususnya apa yang disumbangkan oleh institusi terbabit. Maksudnya, ia harus dapat menjana pemikiran sejarah bagi setiap pengunjungnya.

Pendidikan Islam akan menjadi lebih berkesan apabila digunakan melalui mekanisme muzium. Pengkaji moden telah mengakui hal ini sehingga mereka menekankan perihal pentingnya diterapkan pedagogi pendidikan berasaskan muzium. Keberkesanannya ini berpunca daripada kelebihan pendidikan berasaskan muzium yang memungkinkan pengunjung memahami sesuatu fakta melalui pembuktian objek/artifak dan bukannya secara teori abstrak sepertimana dipelajari di sekolah (Badrul Isa, 2017).

- c) Muzium Menjana Pembentukan Pemikiran Sejarah Berkesan
- Setiap galeri muzium mesti menerapkan pemikiran sejarah kepada pengunjungnya. Secara umumnya, kemahiran pemikiran sejarah ini merujuk kepada proses berfikir secara analitis, kritis dan kreatif bertujuan memahami peristiwa yang berlaku pada masa lalu untuk dihubungkan dengan masa kini dan sebagai persediaan untuk masa akan datang.

Terdapat lima kategori pemikiran Sejarah yang dimaksudkan iaitu;

- i. Memahami kronologi: Ia bermaksud memahami kronologi peralanan sejarah masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan tentang sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku. Ia adalah kemahiran memahami konsep masa mengikut kemajuan sesuatu tamadun, memahami peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya.
- ii. Menerokai bukti: Ia adalah kemampuan meneroka bukti atau sumber sejarah mengikut hirakinya, membuat perbandingan antara sumber dan mendapatkan maklumat daripadanya. Seorang guru Sejarah berperanan membimbing murid untuk menerokai bukti melalui kajian gambar, dokumen sejarah dan surat khabar untuk membuat pertimbangan menggunakan akal fikiran mengesahkan sesuatu pernyataan atau sebab sesuatu peristiwa sejarah.
- iii. Membuat interpretasi: Ia adalah kemahiran membuat ulasan dan kupasan terhadap sesuatu peristiwa sejarah supaya memahami perkaitan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah. Kemahiran membuat interpretasi ini juga bermakna masa lalu difahami melalui pemerhatian dan interpretasi yang sistematik sehingga dapat membantu individu hidup dengan lebih baik pada masa hadapan.

- iv. Membuat imaginasi: Ia adalah kemahiran menghayati secara visual dan empati sesuatu situasi dalam peristiwa silam sejarah. Ia mampu membuat imaginasi dalam bentuk menghayati peristiwa sejarah, menyatakan perasaan, memainkan peranan watak dan membayangkan diri berada dalam peristiwa sejarah.
- v. Membuat rasionalisasi: Ia adalah penggunaan akal dalam membuat pertimbangan yang wajar bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Ia membabitkan proses mengumpul data, membuat hipotesis, menentukan signifikan bukti dan membuat inferens daripada data yang dikumpul. Ia dapat membimbing dalam membuat keputusan yang lebih baik pada masa hadapan. Membuat rasionalisasi bermaksud membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam menyelesaikan masalah, menjelaskan sebab-sebab sesuatu peristiwa sejarah, kesan, dan akibat setelah mencari bukti, membuat imaginasi dan membuat interpretasi sesuatu peristiwa sejarah.

Mengikut sudut pandang Islam, tidak salah untuk kita menerima pakai institusi muzium. Hal ini ditegaskan berdasarkan beberapa perkara utama. Pertama, kita boleh mengekalkan institusi muzium ini dengan syarat falsafah yang terkandung di dalamnya ditapis agar bersesuaian dengan prinsip Islam. Hal ini memang ada precedentnya dalam sejarah tamadun Islam. Sarjana Islam telah mewarisi tamadun ilmu milik tamadun Yunani yang ditapis dan disentesikan dengan world-view Islam.

d) Muzium Medan Memperlihatkan Sumbangan Islam kepada Tamadun Dunia

Muzium boleh mendidik masyarakat tentang sumbangan Islam kepada tamadun dunia dan menolak fahaman ekstremism, termasuk falsafah iconoclasm melampau. Tambahan pula, dalam perkembangan terkini, selepas peristiwa 9/11 terdapat beberapa usaha positif yang dilakukan oleh penggiat muzium antarabangsa untuk menolak sifat Islamophobia yang dikaitkan dengan Islam (Melissa Mary Forstrom, 2017). Mereka telah menggunakan galeri kesenian Islam untuk tujuan ini. Apa yang jelas, mereka menggunakan karya seni Islam dalam bentuk dan bahasa yang bebas daripada pengaruh politik yang rata-ratanya anti Islam (Louise Ryan, 2015).

Mereka memahami bahawa seni Islam adalah karya insani yang

mengungkapkan keindahan dalam dua bentuk iaitu mengekspresikan intuisi dan imaginasi seniman Islam dan merefleksikan pandangan dunia (world-view Islam) yang lebih holistik. Hal ini ditegaskan oleh Will Durant (1950): “*Islamic art overrode all limites of place and time, laughed at distinctions of race and blood, developed a unique and yet varied character, and expressed the human spirit with a profuse delicacy never surpassed.*”

Dalam bahasa lainnya, proses penciptaan seni Islam itu sendiri adalah sebahagian daripada proses pengabdian atau ibadah kepada Allah s.w.t; di dalam setiap proses penciptaan seni Islam mengandungi unsur-unsur pengagungan (takbīr), pemujian (tahmīd) dan penyucian (tasybīh) kepada Allah s.w.t dan penghormatan (salawāt) untuk Rasulullah s.a.w serta penyebaran perdamaian (salām) bagi seluruh mahluk-Nya (Muhammad Budi Santoso, 2018). Dengan kata lain, dalam proses penciptaannya, seni Islam mengandungi nilai (tazkiyah) sebuah upaya pembersihan spiritual, yang merupakan intipati dari ibadah itu sendiri (Armahedi Mahzar, 1993).

Mengikut kurator muzium moden, setiap maklumat untuk galeri Islam yang dipamerkan perlu disertakan dengan penerangan tentang siapa, untuk apa, daripada mana dan terpenting sekali falsafah ia dihasilkan. Dalam setiap galeri ini, antara lainnya mereka berjaya menonjolkan sifat ajaran Islam sejati yang berbentuk rahmah, wasatiyyah, Tauhid dan maslahah berasaskan bukti sejarah dalam bentuk tangible dan intangible. Antara bukti ini adalah teks manuskrip klasik, hasil seni dan artifik sains yang membuktikan sumbangan Islam kepada tamadun dunia.

e) Penolakan Masyarakat Melayu Terhadap Elemen Iconoclasm Melampau

Sayugia dimaklumi bahawa dalam masyarakat Alam Melayu sesuatu kubur tidak dijadikan sumber pemujaan sepertimana ditakuti oleh golongan Salafi Jihad. Secara relatifnya, jika terdapat usaha pemujaan yang membawa kepada kesyirikan ini, ia bukanlah sesuatu yang dominan dan berlaku hanya dalam beberapa kes terpencil yang tidak diterima oleh masyarakat Melayu.

Hal ini berlaku antara lainnya kerana kejayaan mubaligh awal menerapkan world-view Tauhid sejati dalam masyarakat Melayu. Manusia Melayu didedahkan dan memahami bahawa alam yang terpaksa dilalui oleh setiap manusia terbahagi kepada alam dunia,

alam barzakh dan alam akhirat. Maklumat dan prosedur menjalani kesemua kehidupan dalam ketiga alam ini perlu bergantung kepada sumber wahyu yang muktabar. Tanpa maklumat yang sahih, hidup manusia akan terjerumus dalam kesesatan. Jadi, sejak awal lagi manusia Melayu memahami konsep bid'ah dan khurafat yang perlu dijauhkan contohnya dalam amalan pemujaan kubur (Mohd Puaad Bin Abdul Malik, 2018).

Bagi masyarakat Melayu, kubur bertindak sebagai;

Pertama; tanda peringatan bahawa setiap manusia pasti akan menempuh alam barzakh (kematian) yang bakal dipersiapkan dengan bekal yang terbaik. Pentingnya mengingati saat kematian ini terbukti apabila ia dijadikan medium utama wasiat raja-raja Melayu menasihati pengganti mereka. Secara logiknya, apa-apa sahaja yang dibuat seperti wasiat pesanan di masa seseorang itu hampir menemui kematian akan dihargai oleh pendengarnya. Contohnya, berdasarkan catatan dalam Sulalat al-Salatin, sistem musyawwarah amat diutamakan, dijadikan amanat penting kepada pewaris takhta seperti yang dilambangkan dalam wasiat Sultan Alauddin Shah kepada anakanda Baginda Sultan Mahmud Shah:

“Hai anakku, ketahui olehmu bahawa dunia ini tiada akan kekal adanya...melainkan iman...Adapun peninggalan ini hendaklah anaku berbuat ibadat sangat-sangat, jangan anaku mengambil hak segala manusia dengan tiada sebenarnya, kerana segala hamba Allah semuanya terserah kepadamu..Syahadan hendaklah engkau muafakat dengan segala perdana menteri dan segala orang besar-besar, kerana raja-raja itu jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahuinya sekalipun, jikalau tiada ia muafakat dengan segala pegawai, tiada akan sentosa adanya, dan tiada akan dapat ia melakukan adilnya; rakyat itu umpama akar, raja itu umpama pohonnya; jikalau tiada akar nescaya tiada akan dapat berdiri. Adapun segala anak Melayu, jikalau bagaimana sekalipun besar dosanya jangan segera kau bunuh, melainkan yang patut pada hukum Allah... jikalau kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaan mu binasa” (Muhammad Haji Salleh, 1997).

Kedua; kubur dan batu nisan tidak dianggap sebagai artifak suci yang dipuja tetapi sebagai petanda tarikh awal kedatangan Islam ke Alam Melayu. Ia juga menunjukkan elemen perpaduan sesama umat Alam Melayu, di mana batu nisan Aceh memperlihatkan pengaruh kesenian Islam Aceh yang telah dipegang oleh masyarakat Alam Melayu (Othman Bin Mohd. Yatim, 1985).

Masyarakat Alam Melayu memang terkenal dengan penghasilan pelbagai karya seni Islam. Sarjana kolonial seperti Raffles dan Snouck Hugronje menegaskan bahawa umat Melayu Islam langsung tidak memiliki sense of art yang menyumbang kepada keindahan budaya Melayu Islam. Lebih tepat lagi, mereka memandang rendah pada peranan Islam di Alam Melayu. Antaranya, mereka menuduh Islam telah menyebabkan keruntuhan hasil seni dan tamadun milik Hindu yang wujud sebelum kedatangan Islam di Alam Melayu (Rahimin Affandi, 2017). Pandangan sarjana kolonial ini secara terangan bertujuan untuk merendahkan mutu tamadun Melayu-Islam yang seterusnya menjustifikasi penjajahan mereka di tanah Melayu.

Di sebalik kebimbangan golongan Salafi dengan hasil seni yang berupa kesalahan iconoclasm, ternyata hal ini tidak berlaku dalam masyarakat Melayu. Boleh dikatakan semua konsep seni Melayu Islam memang bersifat patuh syariah. Seniman Melayu memahami secara konseptual dan aplikasi bahawa sesuatu hasil seni wajib menjauhi elemen iconoclasm. Mengikut Mohd Anuar Ramli (2018), seniman Melayu Islam memaklumi bahawa sesuatu kesenian itu mestilah;

- a) Tidak mempunyai unsur syirik yang menduakan Allah SWT seperti pemujaan.
- b) Tidak mempunyai unsur maksiat dan mendorong kepada nafsu syahwat.
- c) Tidak melalaikan seperti pergaulan lelaki dan perempuan tanpa batas dan melengah lengahkan kewajipan utama.
- d) Tiada unsur tasyabbuh dengan agama lain.
- e) Tiada unsur kezaliman kepada sesama manusia.
- f) Tidak mencemarkan imej dan nilai Syarak.
- g) Tidak menjatuhkan nilai kemanusiaan (menjaga adab-adab pergaulan).
- h) Tiada unsur perjudian (pertaruhan).
- i) Tidak mempunyai unsur pembaziran.
- j) Tidak bercampur dengan apa-apa perkara yang haram.

Ini bermakna, seniman Melayu Islam menolak falsafah realisme Barat yang berupa usaha menggambarkan sifat dan rupa manusia, alam, haiwan dan benda mati secara tepat dan rapi. Bagi mereka, ia dianggap sebagai bermutu tinggi seandainya hal ini berjaya dilakukan (Kerstin Stremmel, 2004). Hal ini tidak didapati dalam kesemua hasil seni Melayu Islam yang merangkumi seni kaligrafi, seni hiasan, seni ruang dan sebagainya (Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman, 2012).

## KESIMPULAN

Rumusan akhir, pendekatan Islam yang anti-muzium seperti mana dipegang oleh golongan Wahabi dan Salafi Jihad memang terbukti salah dan telah merosakkan citra Islam di mata masyarakat antarabangsa. Hal ini diburukkan lagi dengan wujudnya falsafah Wala wa Baraah dan iconoclasm yang dipegang kuat oleh golongan Wahabi dan Daesh. Kajian ini secara umum telah menerangkan kesalahan ideologi Wahabi dan Salafi Jihad yang memusuhi institusi muzium. Sebaliknya, kita telah mendedahkan pelbagai manfaat yang bakal diperolehi apabila institusi muzium digunakan secara selektif oleh umat Islam.

## PENGHARGAAN

Dapatan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran (FRGS/1/2021/SS10/UITM/02/35): yang bertajuk “Pembinaan Garis Panduan Muzium Patuh Syariah di Malaysia” yang dianugerahkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPM di atas penganugerahan geran ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak, individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lain dalam penulisan ini.

## SUMBANGAN PENULIS

Melalui penyelidikan ini, S.M.K dan R.A.A.R memberi sumbangan dalam menyediakan sorotan literatur dan menganalisis data yang diperolehi sementara H.O dan W.Y.A menyediakan data yang diperlukan serta semakan akhir penulisan dilakukan oleh A.M.Y dan M.H.M.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.  
Ab Samad Kechot. (2012). Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya. Geografia Online: Malaysia Journal of

- Society and Space, 8 issue 8, h. 35-46.
- Abdul Rahman Abdullah. (2001). *Falsafah Dan Kaedah Pemikiran*. Kuala Lumpur, h. 90-91.
- Ahmad Farid Abdul Jalal. (2017). Pengaruh Ilmu Kolonial Dalam Permuziuman Di Malaysia: Satu Analisis. *e-Academia Journal*, Volume 6, Issue 1, h. 127-141.
- (2020). Muzium Dan Kedaulatan Institusi Beraja di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, Jilid 5 (1), h. 27-44.
- Armahedi Mahzar. (1993). *Islam Masa Depan*. Bandung: Penerbit Pustaka, h. 17.
- Badrul Isa. (2017). Museum Pedagogy and Learning Experiences: An Investigation into Museum Education from Instructional Perspectives. Tesis Phd Untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University, h. 23-50.
- Dabiq. (2014). Khilafah declared. *The Return of Khilafah Dabiq* 1: 6–11
- Doudou Denien. (2006). International Service for Human Right's Summaries of Documents for The UN Commission on Human Rights In The 62nd Session And Human Rights Council 2nd Session On Contemporary Forms Of Racism, Racial Ddiscrimination, Xenophobiaand Related Intolerance. Geneva: UNHCR.
- Erica Ferg. (2008). Islamic Saint Veneration: Iran. Tesis Sarjana Untuk The Faculty Of Arts And Humanities, University Of Denver.
- Instead. (2004). *Commission On British Muslims and Islamophobia*. London: Instead.
- Kaitlyn Armendariz. (2017). Culturalcide: The Systematic Destruction And Rewriting Of World History At The Hands Of Isis. Tesis sarjana untuk The University Of Arizona.
- Kerstin Stremmel. (2004). *Realism*. London: Taschen, h. 6-9.
- Louise Ryan. (2015). *Transcending Boundaries: The Arts Of Islam: Treasures From The Nassar D. Khalili Collection*, Tesis Phd Untuk Institute For Culture And Society University Of Western Sydney, h. 51-52.
- Mehdi Hodjat. (1995). *Cultural Heritage In Iran: Policies For An Islamic Country*. Tesis PhD untuk Institute of Advanced Architectural Studies, The King's Manor, University of York.
- Melissa Mary Forstrom. (2017). Interpretation And Visitors In Two Islamic Art Exhibitons. Tesis Kedoktoran Untuk The University Of Westminster.
- Mohamed Bin Ali. (2012). *The Islamic Doctrine Of Al-Wala Wal Bara (Loyalty And Disavowal) In Modern Salafism*, Tesis Ph.D University Of Exeter, h. 155-187.
- Mohamed Bin Ali. (2012). *The Islamic Doctrine of Al-Wala' Wal Bara'* (Loyalty And Disavowal) In Modern Salafism. Tesis PhD untuk University of Exeter.
- Mohamed Elaskary. (2017). *Death, Resurrection, and Shrine Visitations: An*

- Islamic Perspective. Religions 2017, h. 1-11.
- Mohd Anuar Ramli. (2018). Unsur Kearifan Tempatan Dalam Fiqh Budaya Dan Seni Melayu Islam Dari Perspektif Hukum Islam, Prosiding Seminar Hukum Islam Semasa IX 2018.
- Mohd Puaad Bin Abdul Malik. (2018). Kitab Jawi dan Pengilmuan Masyarakat Melayu. Jurnal ‘Ulwan, v. 1, h. 34-57.
- Morgan Cloud. (2016). Bulldozers in the Desert: The Framing of Cultural Heritage Destruction in Palmyra in 2015. Tesis Master of Science di George Mason University, University of Malta, khususnya h. 33-47.
- Muhammad Budi Santoso. (2018). Prinsip Transcendental dalam Seni Visual Islam. Tasfiyah, Vol. 2, No. 2, h. 271-306.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). Sulalat al-Salatin. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, h.151-152.
- Muhd Imran Abd Razak, Mohd Anuar Ramli, Rahimin Affandi Abdul Rahim& Awang Azman Awang Pawi. (2019). The Fiqh Wasatiyyah Approach Towards The Involvement Of Malaysian Women In Religious Extremism Phenomenon, Al-Risalah Forum Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan, Vol. 19 No. 2, h. 105-124.
- Natalie N.May. (2012). Iconoclasm and Text Destruction in the Acient Near East and Beyond, The University of Chicago, h. 3.
- Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman. (2012). Kesenian Melayu Islam: Jiwa Islam Pengkaryaan. Jurnal Arkeologi Malaysia, 25, h. 25-35.
- Othman Bin Mohd. Yatim. (1985). Batu Aceh: A Study Of 15th - 19th Century Islamic Gravestones In Peninsular Malaysia. Tesis PhD untuk University of Durham.
- Patrick Blannin. (2017). Islamic State’s Financing: Sources, Methods and Utilisation, Counter counterTerrorist Trends and Analyses, Vol. 9, Issue 5, May 2017, h. 13-22.
- Quitan Wiktorowicz. (2005). A Genealofy of Radical Islam. Studies In Conflict and Terrorism, v. 26, h. 75-97.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2017). Ilmu Kolonial Dan Islamisasi Alam Melayu: Analisis Kritikal. Jurnal Sejarah, No. 26, Bil. 1, h. 33-49.
- Siti Fahimah. (2014). Sistem Isnad Dan Otentisitas Hadits: Kajian Orientalis dan Gugatan Atasnya. Ulul Albab Vol. 15, No.2, h. 207-220.
- Will Durant. (1950). The Age of Faith. Dalam The Story of Civilization IV. New York: Simon and Schuster, h. 271.